



23 Oktober 2012
Isu 7



Datuk Bandar, dengarlah suara peniaga Brickfields!

Jumaat, 19 Okt - YB Nurul Izzah dan YB Fong Kui Lun (Bukit Bintang) telah turun untuk bersama para peniaga di Brickfields yang risau dan gusar akibat arahan DBKL yang menghalang peniaga mendirikan khemah niaga di hadapan premis perniagaan mereka sempena perayaan hari Deepavali. Para peniaga turut marah dengan langkah DBKL memperkenalkan undi langsung untuk mendapatkan lot perniagaan sempena perayaan Deepavali nanti.

Semoga keadilan ditegakkan buat semua.

[Bacaan lanjut](#)

Takziah buat keluarga Abang Siddik & Abang Razak

Bantu YB Nurul Izzah

- Jadilah Polling Agent/Counting Agent for GE13
- Sumbanglah:
'Ahli Parlimen Lembah Pantai'
A/C: 5641 2834 5008
Maybank - Bangsar Baru

Program Akan Datang

- **23 Okt, 7.30mlm** - forum politik Pakatan Rakyat, Kompleks Mutiara, Batu 3, Jln Ipoh
- **27 Okt, 8pagi** - program qurban di perkarangan Balai Islam Bukit B, Kerinchi
- **8 Nov, 8mlm** - program sambutan Deepavali Lembah Pantai di Little India

Ikuti YB Nurul Izzah di

 Facebook

 Twitter



Sabtu, 20 Okt - Minggu lalu mencatatkan sejarah hiba buat beberapa orang kuat YB Nurul Izzah di Lembah Pantai, apabila ibu mertua saudara Siddik Ibrahim, Timbalan Ketua Cabang KEADILAN Lembah Pantai, dan ibu tiri saudara Razak, orang lama KEADILAN di Bukit Angkasa, telah pulang ke Rahmatullah pada hari Khamis dan Sabtu lalu. YB Nurul Izzah sempat melawat kedua-dua keluarga (gambar bersama ahli keluarga saudara Razak).

Semoga kedua-dua keluarga tabah dan sabar dalam menghadapi dugaan dan cabaran.

Al-fatiha.

Kursus Sembelihan Halal 2012



Ahad, 21 Okt - Satu program kursus sembelihan halal 2012 telah diadakan hari ini, dibawah kelolaan ABIM. Alhamdulillah, penyertaan yang sangat memberangsangkan apabila lebih 120 orang peserta telah mengambil bahagian.

YB Nurul Izzah telah hadir untuk bersama-sama dalam modul praktikal kursus ini, dan selepas itu telah menyerahkan sijil

penyertaan dan penghargaan kepada para peserta dan pengendali kursus.

Semoga program seperti ini akan terus diadakan, dan terus mendapat sambutan hangat warga Lembah Pantai!

Bantuan Sumbangan



Jumaat, 19 Okt - YB Nurul Izzah pagi ini sempat memberikan sedikit bantuan kepada beberapa orang penduduk Lembah Pantai. Salah satu sumbangan yang berbentuk kerusi roda merupakan derma dari seorang hamba Allah. Terima kasih!



Manakala satu lagi sumbangan pula adalah berbentuk sumbangan kewangan Skim Mesra Usia Emas diberi Kerajaan Negeri Selangor, atas kematian bapa penerima.

Semoga sumbangan-sumbangan yang tidak seberapa ini mampu membantu.

Forum Bajet kali kedua



Ahad, 21 Okt - Setelah kejayaan program diskusi Bajet 2013 yang diadakan pada 14 Oktober lalu, YB Nurul Izzah dan YB Liew Chin Tong (Ahli Parlimen Bukit Bendera) telah sekali lagi turun padang untuk memberi penjelasan tentang Bajet 2013 kepada warga Lembah Pantai. Kali ini, satu forum telah diadakan di parkir Restoran Lan Je, Jalan Taman Tan Yew Lai.



Walaupun cuaca agak muram akibat hujan lebat dan walaupun maklumat program keluar cuma dua hari sebelumnya, namun kedatangan sangat membanggakan yang mencecah lebih 100 orang.

Antara isu-isu yang dikupas termasuklah hutang kerajaan pusat yang melambung tinggi ke RM502 bilion (anggaran 2013) serta dasar-dasar Pakatan Rakyat seperti gaji minima, pemberian royalti 20% kepada negeri-negeri pengeluar minyak, dan masalah saman AES yang cukup tidak disenangi rakyat.

Copyright © 2012 Ahli Parlimen Lembah Pantai, All rights reserved.

MailChimp

[unsubscribe from this list](#) | [update subscription preferences](#)